



- | |
|---|
| <p>1. PEGAWAI PENJAGA ZAT MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN) ATAU
M.11 (\$1,920 - \$3,250 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI M.13-14 EB.15**
 - I) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Dietetics* atau *Nutrition Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.
- b) **TANGGAGAJI M.11**
 - II) Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau yang sebanding dalam bidang *Dietetics* atau *Nutrition Science* atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.
- 2) Mempunyai pengalaman dalam bidang *Clinical Dietetics* adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENJAGA ZAT MAKANAN:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Perkhidmatan Pemakanan dan Dietetik atau Pegawai Penjaga Zat Makanan Kanan.
2. Memberi kaunseling permakanan untuk pesakit-pesakit dan keluarga mereka yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan bagi pesakit luar atau yang dirawat dalam hospital.
3. Bertukar-tukar maklumat mengenai hal pesakit-pesakit dengan pegawai, pakar perubatan dan jururawat-jururawat.
4. Menghadiri perjumpaan klinikal



5. Memberi ceramah kepada kumpulan pesakit-pesakit
6. Penglibatan dalam rancangan promosi dan projek-projek permakanan.
7. Membantu dalam menyediakan dan mengemaskinikan buku-buku panduan permakanan.
8. Mengawasi penyediaan dan penghidangan makanan therapeutik (*Therapeutic Diets*) di hospital-hospital.
9. Mengemaskinikan pengetahuan dalam bidang permakanan dengan menghadiri ceramah dan mengikuti kursus-kursus, seminar dan bengkel yang berhubungkait dengan permakanan dan dietetic antarabangsa atau tempatan.
10. Memberikan ceramah kepada pegawai dan kakitangan kesihatan, pesakit-pesakit dan orang ramai bila diperlukan.
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.